

Nombor telefon Wan Junaidi disyaki diguna scammer

Menteri dakwa ada kenalan terpedaya, sudah pindah wang RM5,000

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, kesusulan nombor telefon bimbitnya dipercayai digunakan oleh 'scammer' untuk memperdayakan orang ramai.

Wan Junaidi mendakwa, be-

liau menyedari perkara berkenaan selepas beberapa kenalan menghubunginya untuk mengesahkan mesej yang diterima melalui aplikasi Telegram, semalam.

Malah, katanya, beliau difahamkan ada kenalan di kawasan Parlimen Santubong yang terpedaya dan sudah memin-dahkan wang sebanyak RM5,000 ke dalam akaun 'scammer' terbabit.

Buat laporan polis

Justeru, beliau meminta sesiapa yang menerima mesej tertera nombor telefon dan gambarnya itu supaya mengabaikannya.



Wan Junaidi

“Orang ramai juga harus menyekat dan melaporkan kepada pembangun aplikasi yang digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab,” katanya

Wan Junaidi ketika dihubungi, semalam, turut memaklumkan beliau berada di Sabah dan Setiausaha Sulit Kanan beliau akan membuat laporan polis mengenai perkara

itu.

Beliau sekali gus meminta mana-mana mangsa yang tertipu supaya segera membuat laporan polis serta kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membolehkan tindakan diambil terhadap pihak terbabit.